



MAJLIS PEPERIKSAAN MALAYSIA
Malaysian Examinations Council



LAPORAN PEPERIKSAAN STPM 2022

Seni Visual (970)



SENI VISUAL 970/1

PRESTASI KESELURUHAN

Pada Semester 1, sebanyak 8 489 orang calon menduduki peperiksaan mata pelajaran ini dan 66.43% daripadanya telah mendapat lulus penuh.

Peratusan calon mengikut gred adalah seperti yang berikut:

Gred	A	A-	B+	B	B-	C+	C	C-	D+	D	F
Peratusan	10.54	5.35	6.50	7.07	11.66	12.78	12.53	5.80	5.31	4.49	17.96

RESPONS CALON

Komen am

Kertas ini ialah kertas esei bertulis yang terdiri daripada Bahagian A, iaitu bahagian soalan struktur. Bahagian B dan C pula ialah bahagian soalan esei panjang. Pada keseluruhannya, mutu jawapan calon bagi kertas ini adalah memuaskan. Kebanyakan jawapan calon tidak melepasi tahap kualiti yang baik. Kelemahan calon ialah tidak dapat memberikan jawapan yang tepat dan menjawab kehendak soalan. Calon hanya menyatakan setiap fakta dan huraian pada tahap yang biasa sahaja dan tidak menampakkan perancangan yang teratur semasa menggunakan ayat untuk menjawab soalan.

BAHAGIAN A

Soalan 1

Soalan ini merujuk kepada karya yang bertajuk *Admonition* oleh Mohd. Hoessein Enas. Soalan ini menghendaki calon untuk menjelaskan secara spesifik dengan memberikan fakta dan huraian terhadap empat perkara, iaitu perwatakan, budaya, emosi, dan pendidikan yang dikaitkan dengan karya tersebut. Kebanyakan calon berupaya menjawab dengan memberikan fakta dan huraian dengan baik terhadap kehendak soalan. Walau bagaimanapun terdapat juga calon yang hanya memberikan jawapan fakta tetapi tidak menghuraikan dengan tepat faktanya atau memberikan huraian yang betul tetapi tidak menyatakan faktanya. Bagi calon yang memahami kehendak soalan mereka mampu menjawab dengan tepat.

Soalan 2

Soalan ini menghendaki calon untuk menyenaraikan dengan memberikan fakta terhadap peranan seni visual dari aspek psikologi dan aspek sosiologi. Kebanyakan calon berupaya menyenaraikan fakta daripada aspek psikologi dan sosiologi dengan baik dan tepat. Walaupun soalan ini mudah namun terdapat calon yang memberikan huraian fakta pada soalan yang hanya perlu menyenaraikan sahaja dan ada juga yang keliru antara psikologi dan sosiologi dengan memberikan jawapan yang terbalik.

Soalan 3

Soalan menghendaki calon untuk menjelaskan kepentingan berkaitan pendekatan dan strategi dalam proses kritikan seni. Majoriti calon tidak memahami kehendak soalan dan secara keseluruhannya calon gagal menyatakan pendekatan kritikan dalam seni visual. Calon tidak berjaya menghuraikan maksud kepentingan strategi kritikan menyebabkan ramai calon gagal mendapat markah penuh. Kebanyakan calon menerangkan maksud pendekatan atau strategi sahaja dan tidak mengaitkan dengan kepentingannya dalam proses membuat kritikan seni visual.

Soalan 4

Soalan ini menghendaki calon untuk menyenaraikan prinsip asas yang berkaitan reka bentuk hiasan dalaman. Majoriti calon berupaya menyenaraikan prinsip asas tersebut dengan baik dan tepat. Soalan sangat jelas dan mudah difahami oleh calon tanpa perlu berfikir lama untuk menjawabnya. Walau bagaimanapun, terdapat sebilangan kecil calon telah memberikan huraian fakta pada soalan yang meminta calon menyenaraikan sahaja.

BAHAGIAN B

Soalan 5

Soalan ini berdasarkan karya yang bertajuk *Rainbow Pickett* yang dihasilkan oleh Judy Chicago pada tahun 1965. Soalan ini memerlukan calon mengaitkan elemen minimalisme yang terdapat dalam karya tersebut. Soalan ini jelas dan menjadi pilihan calon untuk Bahagian B. Secara keseluruhannya, calon dapat memberikan jawapan dengan tepat terutama dalam konsep berkaitan unsur seni serta prinsip rekaan, iaitu warna dan harmoni. Kelemahan calon adalah tidak faham konsep minimalisme. Jawapan yang diberikan oleh calon tidak menepati kehendak skema. Tetapi bagi calon yang faham tentang konsep ini dapat memberikan jawapan dengan baik. Sesetengah calon hanya menerangkan unsur seni yang digunakan tetapi tidak mengaitkan dengan konsep minimalisme. Ini menyebabkan calon tidak mendapat markah penuh.

Soalan 6

Soalan ini merujuk kepada karya '*Memories Of Dungun No 1, 1988*' arkilik atas kanvas oleh Joseph Tan. Soalan 6(a), calon perlu menjelaskan penggunaan hal benda berdasarkan karya tersebut. Kebanyakan calon dapat memberikan jawapan dengan baik terutama pada huraian fakta. Namun begitu, terdapat juga calon yang memberikan jawapan berkaitan dengan fakta abstrak dan metafora. Untuk soalan 6(b) pula, calon dikehendaki menjelaskan pengolahan aspek formal dalam karya itu. Kebanyakan calon dapat memberikan jawapan dengan tepat terutamanya berkaitan dengan warna dan jalinan. Terdapat juga calon memberikan jawapan huraian yang tidak tepat, walaupun fakta yang diberikan adalah betul.

Soalan 7

Soalan ini menghendaki calon untuk memberikan justifikasi fakta dan huraian berkaitan kepentingan warna dalam penghasilan sesebuah karya. Soalan ini jelas dan menjadi pilihan calon. Calon memahami kehendak soalan dengan baik. Kebanyakan calon berupaya memberikan justifikasi terhadap kehendak soalan tersebut dengan memberikan fakta dan huraian yang relevan, baik, dan memuaskan. Kelemahan calon yang

ketara adalah memberikan fakta dan huraian yang sama dalam jawapan mereka. Ini menyebabkan calon kehilangan markah fakta. Sesetengah calon membincangkan apa itu warna dan jenis-jenis warna tetapi tidak membincangkan fungsi atau peranan warna dalam penghasilan karya.

Soalan 8

Soalan ini menghendaki calon membincangkan peranan dan sumbangan pertubuhan seni lukis di Malaysia terhadap perkembangan seni visual negara. Calon perlu menjawab soalan ini dengan menyatakan peranan dan sumbangan pertubuhan seni lukis di Malaysia secara berasingan mengikut kepentingan masing-masing. Soalan ini menjadi pilihan calon tetapi ramai yang tidak dapat menjawab dengan baik dan sempurna. Ramai calon tidak berjaya menyatakan kedua-dua aspek ini secara jelas dan berkesan. Jawapan calon banyak berkisar tentang kepentingan pertubuhan seni lukis secara umum sahaja dan tidak dapat menghuraikan jawapan dengan lebih baik dan meyakinkan.

BAHAGIAN C

Soalan 9

Pengumpul seni (*art collector*) ialah individu yang bergerak atas dasar pelaburan. Soalan ini menghendaki calon untuk membincangkan peranan pengumpul seni dalam meningkatkan pendapatan pelukis. Soalan ini jelas dan menjadi soalan pilihan calon dalam Bahagian C. Majoriti calon memahami dan menjawab kehendak soalan tersebut. Kebanyakan calon berupaya membincangkan peranan pengumpul seni dengan memberikan fakta dan huraian yang relevan serta menyediakan pengenalan dan penutup yang baik dan memuaskan. Namun terdapat juga calon yang tidak memahami apa itu pengumpul seni dan memberikan pengertian yang tidak tepat. Calon keliru antara peranan pengumpul seni dengan penaungan. Calon tidak menghuraikan peranan tetapi menghuraikan bagaimana hasil seni itu boleh meningkatkan pendapatan pelukis.

Soalan 10

Soalan ini menghendaki calon untuk memberikan contoh soalan dan rasional soalan tersebut berdasarkan (i) sejarah seni, (ii) kritikan, dan (iii) estetik. Soalan ini jelas tetapi kurang menjadi pilihan calon untuk bahagian C dan ramai calon yang tidak memahami kehendak soalan. Kebanyakan calon yang menjawab soalan ini tidak dapat menjawabnya dengan baik. Di samping itu, kelemahan calon ialah tidak memberikan jawapan menggunakan format esei yang betul. Kebanyakan calon yang menjawab soalan ini tidak mengemukakan soalan dan ada yang memberikan rasional sahaja ataupun menyatakan maksud daripada segi sejarah seni, kritikan, dan estetik sahaja. Walau bagaimanapun terdapat sebilangan kecil calon yang berupaya memberikan jawapan terhadap soalan ini dengan baik dan memenuhi kehendak soalan.

SENI VISUAL 970/2

PRESTASI KESELURUHAN

Pada Semester 2, sebanyak 8 292 calon menduduki peperiksaan bagi pelajaran ini dan 90.89% daripadanya telah mendapat lulus penuh.

Peratusan calon mengikut gred adalah seperti yang berikut:

Gred	A	A-	B+	B	B-	C+	C	C-	D+	D	F
Peratusan	23.78	8.06	6.26	9.50	13.71	18.57	11.01	1.77	3.50	1.42	2.41

RESPONS CALON

Komen am

Kertas soalan ini mengandungi soalan yang menguji kemahiran calon dalam penghasilan lukisan. Soalan ini berbentuk gubahan idea, iaitu calon diberikan atau bawa bahan untuk menghasilkan sesuatu idea yang baharu. Bagi tahun ini, calon diminta untuk membawa sebatang berus gigi terpakai ke dewan atau bilik peperiksaan. Kemudian calon dikehendaki membuat penelitian terhadap bentuk dan sifat objek berus gigi yang dibawa itu. Calon juga perlu membuat transformasi untuk mencipta rekaan animasi daripada objek tersebut bagi ilustrasi penerbitan. Pada Bahagian A, calon dikehendaki untuk menghasilkan satu lukisan kajian bentuk sebenar berus gigi yang dibawa. Bahagian B pula, calon dikehendaki untuk menghasilkan dua lakaran olahan animasi mengikut interpretasi terhadap berus gigi yang dibawa serta gambar berus gigi yang disediakan dalam kertas soalan. Manakala pada Bahagian C, calon perlu menghasilkan dua lukisan akhir animasi dalam bentuk tiga dimensi (3D) dengan merujuk lakaran olahan animasi dalam Bahagian B.

Komen am

Secara keseluruhannya mutu jawapan calon adalah pada aras sederhana. Kebanyakan calon dapat menjawab soalan dengan baik berdasarkan aras kebolehan mereka di samping kefahaman soalan dalam Bahagian A, B, dan C. Terdapat calon yang boleh menghasilkan lukisan dengan baik dalam Bahagian A tetapi kurang menyerlah kemahiran dan ideanya dalam Bahagian B dan C.

Calon seharusnya melukis di Bahagian A dengan melihat dan menganalisis secara realistik berdasarkan bahan yang dibawa dengan memberikan penelitian terhadap *analytical drawing* serta memahami karektor sebenar subjek kajian berkenaan. Kebanyakan calon dapat menghasilkan lukisan kajian bentuk sebenar subjek kajian pada tahap prestasi baik, sederhana, dan lemah. Penekanan hasil lukisan kajian dalam konteks formalistik di mana lukisan yang baik mempunyai elemen asas dan prinsip seni reka yang tepat dengan kehendak soalan. Namun demikian terdapat juga calon yang tidak menguasai konsep formalistik dalam lukisan menyebabkan prestasi pencapaian mereka pada tahap yang lemah. Kelemahan calon untuk menterjemahkan bentuk dan sifat objek berus gigi.

Bahagian B, calon harus menghasilkan dua lakaran olahan watak animasi dengan memikirkan idea dan interpretasi menggunakan subjek kajian secara kreatif dan inovatif. Kebanyakan calon gagal menjawab pada bahagian ini. Ramai calon yang menghasilkan gubahan bukannya olahan animasi. Olahan idea tidak dilakukan mengikut prosedur atau proses yang sepatutnya. Sebaliknya calon terus menjurus kepada olahan untuk hasilkan lukisan akhir.

Terdapat calon yang membuat olahan reka bentuk idea baharu dengan cemerlang, iaitu dapat mengaplikasikan pemikiran kreativiti tinggi untuk mencipta animasi yang menarik.

Pada bahagian C pula, calon perlu menghasilkan dua lakaran terbaik untuk dijadikan lukisan akhir watak animasi dalam bentuk 3D. Kebanyakan calon dapat menjawab bahagian ini dengan pelbagai pencapaian prestasi. Calon yang cemerlang dapat menghasilkan lukisan yang baik berdasar gubahan reka bentuk baharu bagi setiap satu bahagian. Manakala calon yang sederhana, kebanyakan mereka mengikut prosedur soalan yang dikehendaki tetapi kurang menyerlah dalam konteks penguasaan elemen formalistik (unsur dan prinsip rekaan), kurang berkebolehan mencipta atau menjana idea yang baharu. Seterusnya tidak mesra dengan konsep penciptaan animasi yang tepat secara kreatif dari aspek estetik.